

23 APR 1997

PEGAWAI MIGHT SERU DIBUAT KEJUTAN UNTUK GALAK R&D

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Kerajaan telah diminta menguatkuasakan satu fasal yang mensyaratkan bahawa kelulusan projek-projek baru hanya akan diberikan jika perniagaan tempatan mempertingkatkan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan mengadakan aplikasi teknologi terancang.

Seruan ini dibuat oleh Dr Ahmed Tasir Lope Pihie, ketua eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), yang menyatakan saranannya berasaskan kepada arah aliran sedang muncul di kalangan firma tempatan yang mencari punca keperluan R&D di luar negeri.

Katanya layanan kejutan seumpama itu akan menyedarkan keseluruhan industri dan memaksa perniagaan menilai semula kegunaan teknologi tinggi di dalam operasi hari ke hari mereka.

Beliau membuat ulasan itu di dalam laporan tahunan MIGHT bagi 1996 yang dikeluarkan hari ini sempena majlis jamuan tengah hari khas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini. Perdana Menteri juga melancarkan laman jaringan rasmi MIGHT, PrimeNet, dan buku panduan keanggotaan MIGHT.

Dr Ahmed Tasir berkata sungguhpun mendapatkan sumber di luar negara adalah perlu di dalam beberapa hal, usaha-usaha patut dibuat untuk memindahkan keupayaan R&D dan juga keupayaan tempatan dan menggalakkan pemakaiannya di kalangan pelbagai industri lain yang berkaitan.

Dengan kos R&D yang tinggi, katanya syarikat-syarikat besar di dalam industri patut memulakannya.

"Apabila mereka telah membuat kemajuan, mungkin mereka boleh menubuhkan usaha sama dengan syarikat-syarikat kecil untuk membantu meningkatkan taraf industri itu," katanya.

Terdahulu, Dr Ahmed Tasir berkata walaupun terdapat infrastruktur yang perlu dan galakan-galakan diadakan di negara ini, masih terdapat kekurangan sokongan yang jelas bagi pembangunan sains dan teknologi.

Badan-badan perniagaan dan syarikat-syarikat yang berkembang pesat di Malaysia tidak mengambil keputusan yang perlu untuk meningkatkan peruntukan R&D mereka.

Beliau berkata keputusan mengenai kemajuan dan masa depan sebarang syarikat patut berasaskan kepada teknologi, khususnya dalam konteks pembangunan, aplikasi dan penyerapannya, satu ciri yang amat dirasakan kekurangan di Malaysia.

Sementara itu, MIGHT juga sedang dalam proses membangunkan depositori teknologi yang akan menyenaraikan teknologi yang baru di sedang muncul bagi faedah industri dan akademik.

Pangkalan data itu diadakan untuk meletakkan Malaysia di dalam konteks global, kata Tan Sri Tajudin Ramli dan Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pengerusi bersama MIGHT, di dalam kajian semula tahunan mereka.

Mereka juga berkata Kumpulan Berkepentingan MIGHT (MIG) di dalam Telekomunikasi sedang dalam proses menyediakan satu kertas Kabinet mengenai strategi bagi pengeluaran kelengkapan telekomunikasi tempatan sejajar dengan hasrat negara untuk menggalakkan pembangunan Pengeluar-pengeluar Jenama Sendiri.

Dengan kelahiran revolusi maklumat dan kemunculan ekonomi digital, kata mereka MIG di dalam Telekomunikasi akan menyiapkan diri untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Tajudin dan Dr Omar juga berkata MIG di dalam Aeroangkasa juga turut

menyiapkan satu panduan pelaksanaan mengenai aeroangkasa yang menggariskan perakuan dan strategi yang bermatlamat menerajui industri di Malaysia.

Kesemuanya, MIGHT mempunyai enam MIG yang juga meliputi ubat-ubatan, bahan-bahan maju, pembinaan dan pengangkutan jalan. -- BERNAMA

SHY OS MA